

BOTAK UPEH
Milky Stork

FAMILLI: Ciconiidae
NAMA SAINTIFIK: *Mycteria cinerea*



CIRI-CIRI

Burung dewasa mempunyai warna bulu yang putih dan hujung sayap yang berwarna hitam. Paruh besar dan berwarna kuning manakala bahagian muka dan bahagian kaki pula berwarna merah kelam. Apabila tidak mengawan, warna bulu akan bertambah gelap dan kelabu. Bagi anak yang belum matang, warna bulu lebih pudar iaitu coklat pudar dan hujung sayap berwarna hitam. Semakin tua atau menghampiri usia matang, warna bulu anak akan bertambah putih. Panjang badan secara umum bagi spesies ini adalah di antara 92.0-97.0 cm.

HABITAT

Hutan paya bakau, kawasan lumpur dan kawasan pertemuan air pasang dan surut.

MAKANAN

Ia memakan ikan, amfibia, reptilia, serangga-serangga besar, ketam, siput, dan lain-lain lagi.

PEMBIAKAN

Burung ini hidup berkumpulan. Spesies burung ini akan mempamerkan gaya-gaya menyambut kehadiran pasangan masing-masing di sarang, ini termasuklah menundukkan kepala, menegak dan menjulurkan kepala serta paruh, bersentuhan dan bergesel-gesel di antara satu sama lain. Spesies ini membiak di antara bulan Ogos hingga Disember dengan purata telur sebanyak 8-10 biji.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
CITES, appendiks 1 B.